



JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

ZULHIJJAH KEMUNCAK IBADAH HAJI

Tarikh Dibaca :

**8 ZULHIJJAH 1440H/
9 OGOS 2019M**

Disediakan oleh :

**Cawangan Khutbah Dan Latihan
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan**

**ZULHIJJAH KEMUNCAK IBADAH HAJI**

9 Ogos 2019M / 8 Zulhijjah 1440H

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، مُحَمَّدُهُ وَلَسْتَعِينُهُ وَلَسْتَغْفِرُهُ وَتَتُوبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ
 سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا.
 أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ
 صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَأَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْأَهْلِ قُلْ هِيَ مَوَاقِيتُ لِلنَّاسِ وَالْحَجُّ ^ظ وَلَيْسَ الْبِرُّ بِأَنْ تَأْتُوا الْبُيُوتَ مِنْ
 ظُهُورِهَا وَلَكِنَّ الْبِرَّ مَنْ اتَّقَى ^ظ وَأَتَى الْبُيُوتَ مِنْ أَبْوَابِهَا ^ظ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ

تُفْلِحُونَ ﴿١٨٩﴾

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan penuh ketaatan, keyakinan dan keikhlasan. Iaitu dengan melaksanakan segala suruhan-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa seterusnya berjaya serta selamat di dunia dan di akhirat.



Mimbar pada hari yang mulia ini akan membicarakan khutbah bertajuk: **“Zulhijjah Kemuncak Ibadah Haji”**.

Para tetamu Allah yang dikasihi,

Bulan Zulhijjah di antara bulan yang diberkati sehingga Allah SWT bersumpah dengannya sebagaimana di awal surah *al-Fajr* ayat 1-3:

وَالْفَجْرِ ۝ ١ وَلَيَالٍ عَشْرٍ ۝ ٢ وَالشَّفْعِ وَالْوَتْرِ ۝ ٣

Bermaksud: “*Demi waktu fajar; Dan malam yang sepuluh (yang mempunyai kelebihan di sisi Allah); Dan bilangan yang genap serta yang ganjil.*”

Imam Al-Tabari menyatakan ahli tafsir sepakat bahawa 'malam yang sepuluh' yang dimaksudkan pada ayat 2 surah *al-Fajr* ini ialah sepuluh hari terawal bulan Zulhijjah. Zulhijjah merupakan kemuncak kepada bulan-bulan Haji yang terdiri daripada Syawal, Zulkaedah dan Zulhijjah. 10 hari pertama daripada Zulhijjah pula merupakan sebaik-baik hari di antara 30 hari bulan Zulhijjah. Ini kerana pada 10 hari pertama itu terkandung di dalamnya beberapa hari untuk beramal ibadah. Imam Abu Daud RH meriwayatkan hadith daripada Ibn Abbas RAnhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا مِنْ أَيَّامٍ الْعَمَلُ الصَّالِحُ فِيهَا أَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنْ هَذِهِ الْأَيَّامِ، يَعْنِي أَيَّامَ الْعَشْرِ. قَالُوا: قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ وَلَا الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ؟ قَالَ: وَلَا الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ إِلَّا رَجُلٌ خَرَجَ بِنَفْسِهِ وَمَالِهِ فَلَمْ يَرْجِعْ مِنْ ذَلِكَ بِشَيْءٍ

Bermaksud: “*Tiada hari-hari untuk beribadah yang lebih disukai Allah SWT lebih utama daripada hari-hari ini, iaitu 10 hari pertama Zulhijjah. Para sahabat bertanya: Ya Rasulullah, sekalipun jihad pada jalan Allah?*”



Rasulullah SAW menjawab: Ya, sekalipun jihad pada jalan Allah, kecuali seorang yang keluar dengan jiwa serta hartanya dan dia tidak pulang dengan membawa apa-apa (mati syahid)."

Di awal 10 Zulhijjah ini kita dianjurkan untuk menjauhi segala bentuk kemaksiatan dan melaksanakan segala bentuk ketaatan. Antara bentuk ketaatan ialah memperbanyakkan ibadat seperti berpuasa khususnya hari ke-9 Zulhijjah, berzikir, bertakbir dan berqiamullail.

Malah kita amat digalakkan berpuasa pada hari ke-9 Zulhijjah sebagaimana hadis riwayat Imam Muslim, al-Tirmizi dan Ibnu Majah Rahimahumullah daripada Abu Qatadah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda :

صِيَامُ يَوْمِ عَرَفَةَ أَحْتَسِبُ عَلَى اللَّهِ أَنْ يُكَفِّرَ السَّنَةَ الَّتِي قَبْلَهُ وَالسَّنَةَ الَّتِي بَعْدَهُ

Bermaksud : *"Puasa hari 'Arafah aku mengharapkan kepada Allah agar ia dapat menghapuskan dosa setahun yang lalu dan setahun akan datang."*

Muslimin yang dirahmati Allah,

Zulhijjah adalah bulan perlaksanaan rukun Islam kelima iaitu ibadah Haji yang diwajibkan ke atas umat Islam yang cukup syaratnya. Firman Allah SWT di dalam surah *al-Hajj* ayat 27-29:

وَأَذِّنْ فِي النَّاسِ بِالْحَجِّ يَأْتُوكَ رِجَالًا وَعَلَى كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِينَ مِنْ كُلِّ فَجٍّ عَمِيقٍ ﴿٢٧﴾

Bermaksud: *"Dan serukanlah umat manusia untuk mengerjakan ibadat Haji, nescaya mereka akan datang ke (rumah Tuhan) mu dengan berjalan kaki, dan dengan menunggang berjenis-jenis unta yang kurus yang datanginya dari berbagai jalan (dan ceruk rantau) yang jauh."*



Antara hikmah yang dapat dihayati daripada ibadah haji adalah seperti berikut:

Pertama: Haji adalah syiar perpaduan umat Islam. Datangnya manusia daripada seluruh pelusuk dunia pelbagai kaum, bangsa serta etnik semata-mata kerana tujuan yang satu iaitu melaksanakan kewajipan rukun Islam kelima. Saat inilah mereka saling berkenalan, saling memahami dan saling membantu untuk memperkukuhkan perpaduan serta keutuhan umat Islam.

Kedua: Haji merupakan simbol ketaatan dan kehambaan. Rukun dan wajib di dalam ibadat Haji hakikatnya menjadi asas atau ukuran ketaatan seorang hamba kepada Tuhannya. Sejauhmanakah seorang hamba itu sanggup berkorban tenaga, masa dan harta semata-mata kerana ketaatannya kepada Allah SWT.

Ketiga: Haji ialah manifestasi zikir serta ingatan kepada Allah SWT. Mengingati Allah SWT sepanjang hari-hari utama di dalam bulan Zulhijjah adalah tanda kesyukuran seorang hamba di atas segala nikmat dan kurniaan Allah SWT. Justeru, perbanyakkan zikir serta ingatan kepada Allah SWT pada hari-hari mulia ini. Bagi kita yang berada di tanahair dan tidak menunaikan ibadah Haji disunatkan bertakbir bermula dari sesudah solat Subuh pada Hari Arafah iaitu pada 9 Zulhijjah sehinggalah sesudah Solat Asar pada hari terakhir Hari Tasyrik iaitu pada 13 Zulhijjah. Adapun mereka yang menunaikan ibadah Haji disunatkan bertakbir bermula sesudah solat Zohor 10 Zulhijjah atau Aidiladha kerana mereka sebelum itu disunatkan untuk bertalbiah.

Keempat: Haji melambangkan pengorbanan seorang hamba. Bermula 10 Zulhijjah dan pada hari-hari Tasyriq, umat Islam dianjurkan untuk melaksanakan ibadah korban kerana Allah SWT. Sembelihan Korban adalah



tanda syukur seorang hamba kepada Tuhannya. Firman Allah SWT di dalam surah *al-Kawthar* ayat 1-3:

إِنَّا أَعْطَيْنَكَ الْكَوْثَرَ ۝ فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحَرْ ۝ إِنَّ شَانِئَكَ هُوَ الْأَبْتَرُ ۝

Bermaksud: “Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (wahai Muhammad) kebaikan yang banyak (di dunia dan di akhirat). Oleh itu, kerjakanlah solat kerana Tuhanmu semata-mata, dan sembelihlah binatang korban (sebagai tanda syukur). Sesungguhnya orang yang bencikan engkau, Dia lah yang terputus (dari mendapat sebarang perkara yang diinginiya)”.

Kelima: Ibadah Haji menjanjikan ganjaran keampunan daripada dosa. Imam Al-Bukhari meriwayatkan daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ حَجَّ لِلَّهِ فَلَمْ يَرْفُثْ وَلَمْ يَفْسُقْ رَجَعَ كَيَوْمٍ وَلَدَتْهُ أُمُّهُ

Bermaksud: “Siapa yang melaksanakan haji kerana Allah dan dia tidak berkata-kata keji dan tidak berbuat kefasikan maka dia pulang sebagaimana waktu dilahirkan oleh ibunya (bersih daripada dosa-dosa)”.

Sidang hadirin yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah pada hari ini. Marilah kita menghayati beberapa kesimpulan:

Pertama: Zulhijjah menjanjikan kelebihan serta keutamaan untuk beramal ibadat yang tidak seharusnya disia-siakan.

Kedua: Haji adalah simbol ketaatan dan kehambaan, bukti pengorbanan seorang hamba dan keampunan daripada dosa-dosa.



Ketiga: Ibadah korban adalah manifestasi syukur seorang hamba kepada Tuhannya.

Firman Allah SWT di dalam surah *al-Hajj* ayat 34:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلِكُلِّ أُمَّةٍ جَعَلْنَا مَنْسَكًا لِّيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ عَلَىٰ مَا رَزَقَهُمْ مِّنْ بَهِيمَةِ الْأَنْعَامِ
فَالَهُكُمْ إِلَهٌُ وَاحِدٌ فَلَهُ أَسْلِمُوا وَبَشِّرِ الْمُخْبِتِينَ ﴿٣٤﴾

Bermaksud: "Dan bagi tiap-tiap umat, Kami syariatkan ibadat menyembelih korban (atau lain-lainnya) supaya mereka menyebut nama Allah sebagai bersyukur akan pengurniaanNya kepada mereka; binatang-binatang ternak yang disembelih itu. Kerana Tuhan kamu semua ialah Tuhan Yang Maha Esa, maka hendaklah kamu tunduk taat kepadaNya; dan sampaikanlah berita gembira (wahai Muhammad) kepada orang-orang yang tunduk taat ".

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ
لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَأَسْتَغْفِرُهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي
التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكْنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغِ مَهَا مُوَلِيَا
سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا يَغِ دَفَرْتَوَانِ اَكُوغْ ، السُّلْطَانِ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى
بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.



وَكَذَلِكَ كَبَاهُ دُولِي يَغْ مَهَا مُوليا سري فِدوك بكنيدا راج فرمايسوري اكوغ،
 تُونكو (Tunku) حَاجه عَزِيزَةُ أَمِينَةَ مَيْمُونَةَ إِسْكَندَرِيَّةَ بِنْتِ المَرْحُومِ المَتَوَكِّلِ عَلَى
 الله سُلْطَانِ إِسْكَندَرِ الحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَائِهِ وَقُضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَ الْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ
 يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رَحَاءَ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
 وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
 وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

يا الله، جاديكنله كامى اورغ ٢ يغ منديريكن صلاة سچارا برجماعه دان منوناىكن زكاة
 ملاوعى قوست قووغوتن زكاة مجلس اكام اسلام ولايه فرسكوتوان سرتا رحمتيله كولوغن
 يغ منوناىكن زكاة. جاديكنله اوسها MAIWP دالم مٹاكيهكن زكاة دولايه فرسكوتوان
 سباكاي ساتولغكه يغ بركنس باكي ملفسكن اصناف دري بلثكو كميسكىن.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
 عِبَادَ اللهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
 وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.